

Diterbitkan oleh:

JABATAN PENERBITAN
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (BPI)
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH
(Nombor Syarikat : 430994-V)

KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan Pahang

No Tel: 09-5365353 Faksimile: 09-5364421

Laman Web: www.kuipsas.edu.my

Dimiliki oleh Sistem Pendidikan Islam Pahang Sendirian Berhad (472484-D)
Syarikat Milik Penuh Kerajaan Negeri Pahang
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Hak Cipta Terpelihara @ 2018 KUIPSAS
ISSN: 1823-4313

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman sebagainya-kecuali untuk maksud kutipan - tanpa mendapat izin dan hak cipta terlebih dahulu daripada penerbit.

AL-SIRAT

Jurnal Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Penaung

Dato' Haji Yahya bin Zainal Abidin

Penasihat

Rosli bin Omar

SIDANG EDITOR

Panel Penilai Luar

Prof. Dato' Dr. Mustafa bin Mohd Hanefah (USIM)

Prof. Dr. Abdul Basir bin Mohamad (UKM)

Prof. Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh (UNISZA)

Prof. Madya Dr. Adnan bin Mohamed Yusoff (USIM)

Dr. Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman (UM)

Editor

Maslina binti Mohamed (*Ketua Editor*)

Rosli bin Omar

Norillah binti Abdullah Hassim

Mohd Jaffri bin Abdul Rani

Mohd Saifuddin bin Abdul Karim

Muhammad Fairuz bin Ali

Ahmad Effat bin Mohktar

Saadiah binti Abdullah Ba'awi

Norfadelah binti Nordin

Farahiyah binti Abd. Jalil

Noor Dina binti Barkhia

Nur Aulia Fahada binti Misaridin

Grafik

Nurhan Esmady bin Ismail

PENJAGAAN AYAT-AYAT SUCI AL-QUR'AN

Artikel yang terdapat di dalam jurnal ini banyak mengandung ayat-ayat al Quran. Kami meminta dengan hormat agar kesucian dan kehormatan ayat-ayat tersebut sentiasa dipelihara dengan baik, misalnya tidak meletakkan jurnal ini di tempat-tempat yang tercemar dan tidak terhormat. Sekiranya selepas membaca anda tidak berupaya menjaganya, kami amat berterima kasih jika jurnal ini dikembalikan kepada penerbit.

تتضمن المقالات التي نشرت في هذه المجلة الأكاديمية مقاطع مقدسة من القرآن الكريم؛ فرجاء أن تحترموها وتحفظوا بها قدر الإمكان وألا تضعوها في الأماكن غير اللائقة بها؛ كأماكن قدرة أو الأماكن غير الملائمة لشرفها وكرامتها؛ وإلا فمن الأفضل إعادة هذه المجلة إلى ناشرها. ولكم جزيل الشكر وعظيم الامتنان.

Articles in this journal contain a number of holy verses of the Quran. With utmost respect, we seek the cooperation of its readers to be scattered in disorder for example, placed on the floor or at a dirty area. The publisher, with much gratification, welcomes its reader to return the journal, should he or she find it difficult to manage in looking after the book.

Terima Kasih dan Selamat Membaca

KANDUNGAN

1.	Perbandingan Mushaf Rasm Uthmani Dan Mushaf Rasm Imla'i Menurut Perspektif Kaedah Rasm Serta Implikasi Penggunaannya	1
	<i>Muhamad Fadlly bin Ismail</i>	
	<i>Nor Hafizi bin Yusof</i>	
	<i>Wan Ruswani binti Wan Abdullah</i>	
2.	Metodologi Pentafsiran Al-Ṭabarī Dalam <i>Jāmi' Al-Bayān</i> <i>Can Ta'wil Ay Al-Qur'an</i>: Satu Kajian Awal	32
	<i>Asmadi Bin Abdul Rahman</i>	
	<i>Abdul Rahman Bin Abdul Ghani</i>	
3.	Kemungkiran BBA Dan Implikasinya Terhadap Pasaran <i>Sukuk</i> Malaysia	41
	<i>Nur Liana 'Aqilah Binti Derus</i>	
4.	Mushaf Al-Quran Serta Hubungannya Dengan Tariq Al-Syatibiyah Dan Al-Jazariyyah	62
	<i>Felza Zulhibri bin Abd Hamid</i>	
5.	Factors Determining The Participation Of Penang Muslims In Cash Waqf: The Management Perspectives	76
	<i>Mohammad Zulfakhairi Bin Mokhtar</i>	
6.	Analisis Pengaruh Tafsir Al-Baydawi Dalam Tafsir Turjuman Al-Mustafid	85
	<i>Ahmad Baha' bin Mokhtar</i>	
	<i>Ahmad Effat bin Mokhtar</i>	
7.	Kajian Tentang Persepsi Guru Terhadap Perkembangan Profesionalisme Dalam Amalan Pengajaran	96
	<i>Seriyuna binti Sa'don Zubir</i>	
	<i>Norillah binti Abdullah Hassim</i>	
8.	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang (JPHSNP) Dan Proses Pewartaan Fatwa Di Negeri Pahang	117
	<i>Muhamad Miziazam bin Yahya</i>	

9. ***Al-I'jaz Al-Tibbi Menurut Perspektif Al-Quran*** 132
Muhamad Fadlly bin Ismail
Nor Hafizi bin Yusof
Wan Ruswani binti Wan Abdullah
10. **Kajian Perbandingan Terhadap Isu Dan Perhatian Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Malaysia Dan Jepun** 150
Afifah binti Abdullah
11. **Al-Tafakur: Terapi Meditasi Psikospiritual Dalam Kaunseling** 173
Nur Yani binti Che Hussin
Muhammad Nubli bin Abd Wahab

MUSHAF AL-QURAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN TARIQ AL-SYATIBIYYAH DAN AL-JAZARIYYAH

Felza Zulhibri bin Abd Hamid¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menyingkap kefahaman yang tepat mengenai ruang lingkup mushaf al-Quran dan hubungannya dengan aliran al-Syatibiyyah dan al-Jazariyyah. Ia juga bertujuan memperlihatkan secara umum bahawasanya mushaf tersebut mempunyai berbagai cabang ilmu sepertimana yang telah digarap kan oleh para ulama dalam ilmu ulum al-Quran. Kajian berbentuk deskriptif ini akan membahaskan pandangan para qurra berkaitan mushaf al-Quran serta cabang ilmu yang berkait dengan kedua-dua aliran tersebut. Kesemua data dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawasanya tidak semua cabang ilmu yang terdapat di dalam mushaf riwayat Hafs boleh disandarkan kepada tariq al-Syatibiyyah dan al-Jazariyyah. Hal ini demikian terdapat cabang ilmu yang telah diakui tawqifiyyah daripada Rasulullah s.a.w., dan tidak kurang juga yang berdasarkan ijthadiyyah daripada para qurra. Maka dengan ini jikalau kefahaman ini tidak diperjelaskan secara terperinci kepada masyarakat umum, dikhuatiri masyarakat akan terkeliru tentang aspek tawqifiyyah dan aspek ijthadiyyah dalam mushaf al-Quran khususnya mushaf riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi.

Kata Kunci: Mushaf al-Quran, Hafs bin Sulayman, Aliran al-Syatibiyyah dan al-Jazariyyah

PENGENALAN

Mushaf al-Quran yang digunakan oleh sembilan puluh lima peratus umat Islam di dunia termasuklah di Malaysia adalah berdasarkan riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi.² Adapun pembacaan bagi riwayat ini tertakluk kepada dua aliran iaitu aliran Syatibiyyah dan aliran Jazariyyah. Kedua-dua aliran ini begitu masyhur sehinggakan apabila memperkatakan tentang apa sahaja perkara yang melibatkan pembacaan al-Quran termasuklah mushaf nya akan timbul pendapat yang menyandarkan nya kepada kedua-dua aliran ini. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, timbulnya kekeliruan di kalangan masyarakat apabila mereka mencampurkan identiti mushaf riwayat Hafs dengan aliran pembacaan riwayat Hafs. Maka dengan ini apabila memperkatakan tentang mushaf ianya melibatkan beberapa cabang ilmu antaranya diambil secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. dan ada yang diambil daripada ketetapan para qurra'. Terdapat juga perkara yang tidak ada kaitan langsung dengan aliran al-Syatibiyyah mahupun al-Jazariyyah.

¹ Penulis merupakan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)

² 'AitÉnÉ, 'Abd al-RaÍmÉn (1998), *al-MufÉd fi 'ilm al-TawjÉd*, c. 2. Beirut: Mu'assasah al-RayyÉn, h. 147

PENDAHULUAN

Apabila memperkatakan tentang pembacaan al-Qur'an, tidak dapat tidak permasalahan ini akan berkait rapat dengan mushaf yang menjadi rujukan bagi setiap pembacaan ayat al-Qur'an oleh setiap umat Islam di seluruh dunia. Rujukan yang berbentuk penulisan ayat-ayat al-Qur'an ini adalah diakui *tawqifiyyah* daripada Rasulullah s.a.w. oleh jumbuh ulama yang menjaganya dari zaman ke zaman.³

Lafaz mushaf, *mishaf* atau *mushaf* bermaksud sebuah kitab yang mengandungi helaian kertas yang bertulis antara dua penutup⁴ (yang dimaksudkan kitab itu dalam format buku yang mudah difahami oleh masyarakat moden). Al-Azhari juga diberitakan menyebut: “*Dikatakan mushaf kerana ianya diperbuat daripada kandungan helaian-helaian kertas yang bertulis antara dua penutup.*”⁵

Dari segi istilah pula, mushaf bermaksud penulisan ayat al-Qur'an yang telah dibukukan, tertib ayat dan surah nya.⁶ Kebiasaan masyarakat Islam sekarang menggelarnya sebagai al-Qur'an. Gelaran sebegini dari segi pengertiannya tidak tepat kerana maksud al-Qur'an itu lebih luas bukan setakat dalam bentuk bacaan sahaja, tetapi ianya juga melibatkan hukum, ibadat, muamalat dan sebagainya. Gelaran yang tepat adalah mushaf disebabkan gelaran ini hanya merujuk kepada ayat al-Qur'an dalam konteks pembacaan dan penulisan. Dengan kefahaman sebegini dapat menangkis pandangan kolot yang mengatakan bahawa memadai hanya membaca ayat al-Qur'an sahaja dalam memenuhi tuntutan Islam kerana bagi mereka al-Qur'an adalah dalam bentuk bacaan sahaja.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada permasalahan kekeliruan fakta tentang identiti mushaf yang sebenar di kalangan masyarakat Islam. Ini adalah kerana mushaf terdiri daripada aspek *tawqifiyyah* dan juga aspek *ijtihadiyyah* dan tidak kurang juga aspek-aspek yang lain sepertimana yang telah digarap kan dalam ilmu ulum al-Quran.

Mushaf di zaman 'Uthman r.a hanya mempunyai tulisan sahaja yang dikenali sebagai *al-rasm*. Mushaf tersebut tidak mempunyai sebarang tanda ataupun apa-apa simbol yang menggambarkan baris, titik mahupun tanda-tanda yang lain sepertimana yang terdapat pada mushaf sekarang. Ini adalah kerana kesungguhan para ulama pada masa itu untuk mengekalkan unsur *tawqifiyyah* pada mushaf tersebut.⁷

Kefahaman pembacaan al-Quran di sisi masyarakat Islam di Malaysia sudah terbuka kepada apa yang dikatakan sebagai aliran *al-Syatibiyyah* dan *al-Jazariyyah*. Justeru kedua-dua

³ Mohd Rahim b. Jusoh (2008), *Tarikh al-Qur'an & rasm Uthmani*, Kuala Lumpur, Pustaka Khodim al-Mushaf, h. 97.

⁴ Ahmad 'Ali al-Imam, *Variant Readings Of The Qur'an* (1998), ms.48

⁵ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, J. 9, ms. 186

⁶ Abd al-Fata' al-QÉli (1994) *Tarikh al-Musáaf al-SyarÉf*, ms. 20.

⁷ Hal ini demikian, Rasulullah s.a.w. tidak pernah menyuruh berbuat sedemikian kerana ingin membezakan tulisan ayat al-Qur'an dengan tulisan yang bukan ayat al-Qur'an walaupun kaedah titik dan baris dalam penulisan sudah pun wujud pada masa itu.

aliran ini dilihat mendominasi apa sahaja yang melibatkan pembacaan al-Quran termasuklah kepada identiti mushaf itu sendiri. Sebahagian masyarakat berpendapat kesemua aspek yang terdapat dalam mushaf adalah *tawqifiyyah* daripada Rasulullah s.a.w. dan tidak kurang juga yang menyandarkan kesemuanya kepada *tariq al-Syatibiyyah* dan *al-Jazariyyah*.

Justeru kajian ini dilakukan untuk memperjelaskan sejauh mana hubungan *tariq al-Syatibiyyah* dan *al-Jazariyyah* dengan mushaf *riwayat Hafis bin Sulayman al-Kufi* sekaligus memuktamadkan aspek *tawqifiyyah* dan aspek *ijtihadiyyah* yang terdapat dalam mushaf *riwayat Hafis bin Sulayman al-Kufi*.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan beberapa perkara berikut:

1. Mengkaji identiti mushaf di zaman Sayidina Uthman al-‘Affan.
2. Mengkaji hubungan mushaf *riwayat Hafis bin Sulayman al-Kufi* dengan *tariq al-Syatibiyyah* dan *al-Jazariyyah*.
3. Menjelaskan identiti mushaf berdasarkan *tawqifiyyah* ataupun *ijtihadiyyah*.

MUSHAF DI ZAMAN SAYYIDINA UTHMAN R.A.

Ahmad ‘Ali al-Imam menggambarkan mushaf sebagai⁸:

...The masahif contained neither vowels nor diacritic points, and also there are no headings or separations between the surah nor any other kind of division, nor even any formal indication of the end of the verse. Thus, in this respect these orthography resembled the scripts from which it was derived...Some scholars have maintained that this lack of vocalization and diacritics was intentional, so that either all seven ahraf or some portion of them could be accommodated...Among the scholars who shared this view are al-Dani, Ibn al-‘Arabi, Ibn Taymiyya and Ibn al-Jazari”.

Antara kefahaman yang dapat diambil daripada kata-kata Ahmad ‘Ali al-Imam di atas tadi, iaitu mushaf di zaman Rasulullah s.a.w. tidak mengandungi apa-apa tanda selain daripada rasm. Sebahagian para ulama berpendapat bahawasanya perihal mushaf sebegitu adalah disengajakan kerana ianya selari dengan objektif ‘Uthman r.a untuk menjadikan mushaf tersebut boleh dibaca mengikut semua atau sebahagian daripada tujuh huruf. Pendapat ini disokong oleh al-Dani, Ibn al-‘Arabi, Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Jazari.⁹

Walau bagaimanapun terdapat sebahagian daripada para ulama yang mengharuskan penambahan titik dan baris kerana kemaslahatan umum¹⁰ dan pendapat ini terbukti dipersetujui

⁸ Ahmad ‘Ali al-Imam (1998), *Variant Readings of The Qur’an: A Critical Study of Their Historical and Linguistic Origins*. Virginia: International Institute of Thought Herndon, h. 67

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Bermaksud jikalau tidak diletakkan titik serta baris kemungkinan mereka yang bukan berbangsa Arab akan terjerumus ke dalam kesalahan ketika membaca al-Qur’an. Pendapat ini disokong oleh al-‘Izz b. ‘Abd al-Salim, al-Zarkashî dan al-Marêghî. Sila lihat : *Ibid*, h. 69-70.

oleh para ulama memandangkan mushaf yang ada pada tangan kita sekarang ini mempunyai berbagai-bagai tambahan. Malahan penambahan tersebut seringkali dipertingkatkan dalam usaha untuk mempermudah kan pembacaan al-Qur'an.

Kesimpulan daripada apa yang telah dibentangkan di atas tadi dapatlah difahami bahawasanya mushaf yang ada sekarang mempunyai unsur *tawqifiyyah* merujuk kepada penulisannya (*rasm al-Qur'an*) dan juga *ijtihadiyyah* merujuk kepada tanda-tanda yang ada selain daripada tulisan (*dabt al-Qur'an*). Oleh itu kajian penulis dalam meneliti perbezaan antara dua tariq yang melibatkan mushaf yang ada sekarang ini akan dibahagi kepada dua bahagian utama iaitu :

- 1) Perbezaan dari sudut *rasm al-Qur'an*
- 2) Perbezaan dari sudut *dabt al-Qur'an*

PERBEZAAN DARI SUDUT RASM AL-QUR'AN

Rasm dari segi bahasa bermaksud kesan¹¹, ia juga boleh di sama erti kan dengan maksud tulisan.¹² Dari segi istilah pula apabila dikatakan *rasm* ia merujuk kepada penulisan yang hanya khusus kepada penulisan al-Qur'an.¹³ Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini bahawasanya *rasm al-Qur'an* adalah *tawqifiyyah* daripada Rasulullah s.a.w.. Oleh itu, walau bagaimanapun perbezaan yang wujud antara kedua-dua tariq ini, ianya tidak menjejaskan kesepakatan ulama yang telah menggariskan kaedah penulisan mushaf yang dihantar ke pelosok jajahan Islam.

Justeru di dalam permasalahan ini penulis hanya membentangkan perbezaan dari segi pembacaan dan selepas itu akan dikaitkan dengan ketetapan *rasm al-Qur'an* yang telah dipersetujui oleh jumbuh ulama. Ini bermakna kepelbagaian bentuk bacaan tidak menjejaskan kesepakatan ulama pada *rasm al-Qur'an*.¹⁴ Perlu diingat bahawa imam al-Shatibi sendiri mengarang sebuah kitab yang membincangkan tentang *rasm al-Qur'an* bagi memperjelaskan pandangan beliau tentang permasalahan ini. Kitab yang dinamakan sebagai '*Aqilah 'Atrab al-Qasa'id fi 'Asna al-Maqasid* ini berbentuk syair juga dikenali sebagai *al-Qasidah al-Ra'iyah*¹⁵. Sepertimana kata al-Shaykh Abi 'Abd Allah Muhammad b. Muhammad b. Ibrahim al-'Amawi al-Shirayshi al-Fasi yang berbunyi¹⁶:

¹¹ Ibrâhîm b. Aîmad b. Sulaymân al-Maraghani al-TËnisî (1995), *DalÊl al-×airan 'ala Mawrid al-Úam'Ê fÊ Fannay al-Rasm wa al-Öabî*, Beirut : DËr al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 8

¹² *Ibid.*

¹³ ÖabbÊ, 'Ali Muîammad al- (1999) *SamÊr al-ÛËlibÊn fÊ Rasm wa Öabî al-KitÊb al-MubÊn*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-TurÊth, h. 20.

¹⁴ Ini adalah kerana *rasm 'UthmÊnÊ* yang asal iaitu yang tiada baris dan titik sebenarnya boleh dibaca mengikut mana-mana *qir'Ê'at*.

¹⁵ Iaitu sebuah kitab yang berbentuk syair yang menjadikan huruf *ra'* sebagai huruf yang terakhir bagi penghabisan setiap bait syair tersebut

¹⁶ IbrÊhîm b. Aîmad b. Sulaymân al-MËraghanÊ al-TËnisî (1995), *DalÊl al-×airÊn 'alÊ Mawrid al-Úam'Ên fÊ Fannay al-Rasm wa al-Öabî*, Beirut: DËr al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 16-17

وَوَضَعَ النَّاسُ عَلَيْهِ كُتُبًا * كُلُّ يُبِينُ عَنْهُ كَيْفَ كُتِبَا
 أَجَلُهَا فَأَعْلَمَ كِتَابُ الْمُفْنَعِ * فَقَدْ أَتَى بِهِ بِنَصِّ مُفْنَعِ
 وَالشَّاطِئِي جَاءَ فِي الْعَقِيلَةَ * بِهِ وَزَادَ أَحْرَفًا قَلِيلَةَ

Maksudnya: “Dan terdapat ulama yang mengarang kitab rasm yang mana kitab tersebut memperjelaskan bagaimana mushaf itu ditulis. Maka ketahuilah kitab yang paling unggul adalah kitab al-Muqni’ kerana ianya mendatangkan nas yang lebih daripada mencukupi. Dan al-Shatibi datang membawa al-‘Aqilah yang mana beliau menambah (daripada al-Muqni’) sedikit permasalahan yang baru”.

Perbezaan antara kedua-dua *tariq* berdasarkan riwayat *Hafs* yang melibatkan *rasm al-Qur’an* hanya khusus kepada kaedah perbincangan terhadap penulisan dua bacaan tetapi memadai ditulis salah satu daripadanya. Kaedah tersebut boleh dibahagikan kepada dua perkara :

- 1) Perbezaan pada kalimah (بَسْطَةً) dan (يَبْسُطُ)
- 2) Perbezaan pada kalimah (بُصَيْطِرٍ)

PERBEZAAN PADA KALIMAH (بَسْطَةً) DAN (يَبْسُطُ)

Permasalahan ini berkisar kepada penulisan kedua-dua kalimah sama ada ditulis dengan huruf *sin* atau huruf *sad* atau kedua-duanya sekali. Bagi perkataan *yabsut* dipetik dari ayat :

وَاللَّهُ يَكْتُبُ وَيَبْسُطُ وَيَضْرِبُ الْأَمْثَالَ وَاللَّهُ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Surah al-Baqarah (2): 245

Manakala *bastah* pula dipetik dari ayat:

فِي الْأَخْلَاقِ بَصِيظَةً

Surah al-‘A’raf (7): 69

Di sisi imam al-Shatibi kedua-dua kalimah ini dibaca dengan huruf *sin* sahaja sepertimana katanya¹⁷:

..... * وَيَبْصُطُ عَنْهُمْ غَيْرَ فُنْبُلٍ اَعْتَلَى
 *..... وَبِالسَّيْنِ بِاَقِيهِمْ وَفِي الْخَلْقِ بَصْطَةً

Maksudnya:

“Dan (dibaca dengan *sad*) pada kalimah *yabsut* oleh mereka (*Shu’bah, Nafi’, Ibn Kathir dan al-Kisa’i*) kecuali *Qunbul* dan dibaca dengan *sin* oleh selain daripada mereka dan begitulah juga pada kalimah *bastah*”.

Dengan ini jelas bahawa di sisi *tariq al-Shatibiyyah*, riwayat *Hafs* tergolong daripada kumpulan imam yang membaca dengan *sin* sahaja pada dua kalimah ini. Sebaliknya Ibn al-Jazari meletakkan *Hafs* bersama-sama dengan kumpulan imam yang harus bagi mereka membaca dengan *sin* dan *sad*, sepertimana katanya¹⁸:

... * ... وَيَبْصُطُ سَيْنَهُ فَتَى حَوَى
 لى غِثْ وَخُلْفٌ عَنْ فُؤَى زَنْ مَنْ يَضُرُّ * كَبَسْطَةَ الْخَلْقِ

Maksudnya: “Dan kalimah *yabsut* dibaca dengan *sin* secara *qawlan wahidan* oleh *Hamzah, Khalaf al-‘Ashir, al-Duri, Hisham, dan Ruways* dan dibaca secara *khilaf* oleh *Hafs, Khallad, Qunbul, Ibn Zakwan dan al-Susi* seperti juga *bastah al-Khalq*”

Maka dengan ini jelaslah bahawasanya di sisi *tariq al-Shatibiyyah* wajib membaca dengan *sin* pada kedua kalimah yang terlibat manakala di sisi *tariq al-Jazariyyah* harus dibaca dengan *sin* dan *sad*. Kenyataan ini adalah dari sudut perbezaan dalam bentuk pembacaan. Manakala dari sudut *rasm* yang telah disepakati oleh jumhur ulama kalimah *yabsut* di surah al-Baqarah sahaja ditulis dengan *sad* manakala kalimah *yabsut* selain daripada yang terdapat di surah al-Baqarah ditulis dengan *sin*, contohnya:

قُلْ اِنَّ رَبِّيْ يَبْـُٔ سَطُّ الرَّزِّ قَ لِمَنْ يَشَاۤءُ وَيَقْدِرُ

Surah Saba’ (34): 36

¹⁷ ShÉlibÊ, al-QÉsim b. FÊrruh b. Khalaf b. AÍmad al- (1996), *×irz al-AmÉnÊ wa Wajh al-TahÉnÊ*, (taÍqÊq: MuÍammad TamÊm al-Zu’bÊ), c. 3. Madinah: Maktabah DÉR al-HudÉ, h. 41

¹⁸ JazarÊ, MuÍammad b. MuÍammad b. ‘Ali b. YÊsuf al- (1994) *Ùayyibah al-Nashr*, (taÍqiq: MuÍammad TamÊm al-Zu’bÊ). Madinah: Maktabah DÉR al-HudÉ, h. 66

Kenyataan ini juga bertepatan dengan apa yang telah diutarakan oleh imam al-Shatibi di dalam kitab ‘*Aqilah* yang berbunyi¹⁹:

هَنَا وَيَبْصُطُ مَعَ مُصَيِّطٍ وَكَذَا * الْمُصَيِّطُونَ بِصَادٍ مُبْدِلٍ سُطْرًا

Maksudnya: “Di sini (*al-Baqarah*) *yabsut* berserta *musaytir* dan juga *al-musaytir* ditukar²⁰ kepada *huruf sad*”

Bagi kalimah *bastah* pada surah al-‘A’raf pula, imam al-Shatibi menyebut dalam ‘*Aqilah*²¹:

وَبَصْطَةً بِاتِّفَاقٍ ...

Maksudnya: “Dan kalimah *bastah* di dalam surah al-‘A’raf (ditulis dengan *sad*) secara *ittifaq*”

Kefahaman daripada matan syair di atas ialah bersepakat jumur ulama mengenai kalimah *bastah* pada surah al-‘A’raf ditulis dengan *sad*. Sebaliknya ditulis dengan *sin* pada kalimah *bastah* di dalam surah al-Baqarah²², iaitu pada ayat :

وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي آلِ عِلِّمٍ وَآلِ حِسْمِ ط

Surah al-Baqarah (2): 247

Dengan ini jelaslah bagi kalimah *yabsut* dan *bastah*, terdapat perbezaan bagi imam al-Shatibi dari sudut *tariq* pembacaannya dan dari sudut kitab ‘*Aqilah* beliau. Ini adalah kerana *tariq* pembacaan beliau adalah daripada *ikhtiyar* beliau sendiri manakala *rasm al-Qur’an* adalah *tawqifiyyah* yang telah disepakati oleh jumur ulama. Menurut kajian penulis, hampir semua mushaf yang ada sekarang menulis pada kalimah *وَيَبْصُطُ* dan *بَسْطَةً* dengan *sad* dan meletakkan huruf *sin* kecil di atasnya sebagai isyarat wajib dibaca *sin* kerana ingin menepati *tariq al-Shatibiyyah* yang sudah sinonim dengan masyarakat Islam di dunia khususnya Malaysia. Ia juga bertujuan untuk mengawal pembacaan seseorang itu khususnya orang awam agar tidak bercampur dengan *turuq* yang lain.

¹⁹ AbÊ al-Baqā ‘AlÊ b. ‘UthmÊn b. Mu‘ammad b. al-QÊlî (t.t), *Sharî TalîÊl al-FawÊid wa TaqrÊb al-MutabÊid*, Kaherah: Maktabah al-‘Azharîyyah li al-TurÊth, h. 20.

²⁰ Ini bermakna huruf *sÊn* adalah yang asal

²¹ *Ibid*, h.27

²² AbÊ ‘AmrÊ ‘UthmÊn b. Sa’Êd al-DÊnÊ (1978), *al-Muqni’ fÊ Rasm MaÊÊlîf al-‘AmÊr ma’a KitÊb al-Naqî*, (tahqiq: Mu‘ammad al-ØÊdiq QamÊwÊ), Kaherah: Maktabah al-KulliyyÊt al-‘Azharîyyah, h. 88.

PERBEZAAN PADA KALIMAH (مُصَيِّرٍ)

Permasalahan ini juga melibatkan penggunaan huruf *sin* atau *sad* atau pun kedua-duanya sekali. Kalimah *bimusaytir* ini dipetik dari ayat:

لَسَّاتٍ عَلَيَّ هِمٌّ مُصَيِّرٍ طِرٍ

Surah al-Ghashiyyah (88): 22

Bagi imam al-Shatibi kalimah ini dibaca dengan *sad* sepertimana kata beliau yang berbunyi²³:

..... * مُصَيِّرٍ اسْتِمَّ ضَاعَ وَالْخُلْفُ قُلًّا
وَبِالسَّيْنِ لُذٌّ *

Maksudnya: “Kalimah *musaytir* dibaca *ishmam* secara *qawlan wa’idan* oleh *Khalaf* dan dibaca secara *khilaf* (*ishmam* dan *sad*) oleh *Khallad* dan dibaca dengan *sin* sahaja oleh *Hisham*”.

Dengan tiada disebut nama *Hafs* mahupun ‘*Asim* pada matan syair di atas, dapatlah difahami bahawa di sisi imam al-Shatibi berdasarkan *riwayat Hafs* kalimah *musaytir* dibaca secara *qawlan wahidan* dengan huruf *sad*. Manakala Ibn al-Jazari pula meriwayatkan pembacaan secara *khilaf* iaitu dengan huruf *sad* ataupun *sin*, sepertimana katanya yang berbunyi²⁴:

وَفِيمَا الْخُلْفُ زَكِيٌّ عَنِ مَلِيٍّ

Maksudnya: “Dan pada kedua-dua (*musaytir* dan *al-musaytir*) dibaca secara *khilaf* dengan *sad* dan *sin* oleh *Qunbul*, *Hafs* dan *Ibn Zakwan*”.

Dengan ini jelas bahawasanya di sisi *tariq al-Shatibiyyah* wajib membaca dengan *sad* sahaja pada kalimah مُصَيِّرٍ, manakala di sisi *tariq al-Jazariyyah* harus dibaca dengan *sin* dan *sad*. Daripada kata-kata imam al-Shatibi di dalam *Hirz* dan ‘*Aqilah* maka dengan ini terserlah kesepakatan antara *tariq* pembacaan imam al-Shatibi dan kitab ‘*Aqilah* dalam permasalahan kalimah *musaytir* yang mana kedua-dua kitab ini memilih membaca dan menulis dengan huruf *sad*.

Menurut kajian penulis, hampir semua *mushaf* yang ada sekarang menulis dengan *sad* sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga *mushaf* yang meletakkan huruf *sin* kecil di bawahnya sebagai isyarat harus dibaca *sin* atau *sad* kerana mengambil kira *ikhtiyar* daripada Ibn al-Jazari

²³ al-ShÉlibÉ (1996), *op. cit.*, h. 89.

²⁴ al-JazarÉ (1994), *op. cit.*, h. 38-39

tetapi membaca dengan *sad* adalah lebih *afdal* sekali gus mengarahkan bacaan tersebut kepada menepati *tariq al-Shatibiyyah*.

Perlu diingat bahawa tanda *sin* kecil yang terletak sama ada di atas ataupun di bawah huruf *sad* tidak dikategorikan sebagai *rasm*. Ianya adalah tanda tambahan yang dicipta oleh ulama bagi menggambarkan alternatif bacaan yang juga *mutawatirah* tetapi tidak dapat digambarkan dalam satu *rasm*. Ini adalah kerana permasalahan ini termasuk di dalam kaedah penulisan dua bacaan tetapi memadai ditulis salah satu daripadanya.

Dengan ini dapatlah difahami, apabila melibatkan *rasm*, adalah salah bagi kita untuk mengkhususkan kepada mana-mana *tariq, riwayat* mahupun *qira'at* tertentu. Ini adalah kerana *rasm al-Qur'an* telah pun disepakati di zaman 'Uthman r.a berdasarkan *tawqifiyyah* daripada Rasulullah s.a.w. dan sudah pasti kesemua imam *qira'at* masih belum lahir lagi pada masa itu. Tambahan pula pembacaan dan penulisan mempunyai perbezaan yang ketara di mana semua pembacaan boleh mengandungi berbagai *wajah* bacaan, manakala terdapat antara penulisan hanya boleh menggambarkan satu *wajah* bacaan sahaja. Maka permasalahan kalimah *yabsut, bastah* dan *musaytir* adalah digolongkan sebagai *rasm* yang hanya boleh menggambarkan satu *wajah* sahaja.

Jikalau terdapat ke tidak samaan antara *rasm* sebegini dengan mana-mana bentuk bacaan, itu adalah kebiasaan kerana sememangnya kaedah *rasm* sebegini tidak dapat menggambarkan semua *wajah* yang ada. Begitu juga jikalau terdapat persamaan antara *rasm* sebegini dengan mana-mana bentuk bacaan, itu juga adalah kebiasaan kerana sudah pasti setiap bacaan yang *mutawatirah* itu seiringan dengan *mushaf* yang *tawqifiyyah*.

Kesimpulannya, *tariq al-Shatibiyyah* mahupun *al-Jazariyyah* tidak sesuai dijadikan sebagai sandaran apabila berbicara tentang *rasm al-Qur'an*. Sandaran yang tepat adalah kepada apa yang dinaqalkan oleh Abu 'Amru al-Dani dan Abu Dawud Sulayman b. Najah yang sekian lama menjadi rujukan kepada ahli lujnah *tashih al-Qur'an* dan juga kitab-kitab yang membicarakan tentang *rasm al-Qur'an*²⁵.

PERBEZAAN DARI SUDUT DABT AL-QUR'AN

Elemen yang kedua penting selepas *rasm* di dalam struktur sesebuah *mushaf* dikenali sebagai *dabt*. *Dabt* dari segi bahasa bermaksud merealisasikan tujuan dalam menjaga sesuatu.²⁶ Dari segi istilah pula bermaksud suatu ilmu yang berkisar kepada apa yang di datang kepada huruf sama ada tanda baris, tanda mati, tanda sabdu, tanda *mad* dan sebagainya.²⁷

Secara umumnya, semua tanda-tanda tersebut adalah daripada ciptaan para ulama yang ingin menjaga pembacaan al-Qur'an daripada dibaca dengan salah khususnya bagi mereka yang bukan berbangsa Arab. Kemasukan tanda-tanda tersebut ke dalam *mushaf* mempunyai pro dan kontra daripada para ulama sepertimana yang telah diperjelaskan oleh penulis sebelum ini.

²⁵ Setiap *mu'laf* pasti menyenaraikan nama kedua-dua tokoh ini sebagai rujukan .

²⁶ Dr. Mu'ammad SÉlim Mu'aysin (1995), *IrshÉd al-ÛÉlibÊn ilÉ Óabt al-KitÉb al-MubÊn*, Kaherah: al-Idarah al-Ma'Éhid al-Azhariyyah, h. 5.

²⁷ *Ibid*.

Di dalam *mushaf riwayat Hafs* terdapat beberapa permasalahan yang mewujudkan perbezaan antara *tariq al-Shatibiyyah* dan *al-Jazariyyah*. Permasalahan *dabt* ini boleh dikhususkan mengikut pembacaan sesuatu *tariq* kerana ianya memang dicipta untuk mengkhususkan sesuatu bacaan. Berlainan dengan *rasm* yang terbuka kepada semua bacaan yang *mutawatirah* dan tidak dapat dikhususkan kepada mana-mana *tariq, riwayat* mahupun *qira'at* tertentu. Berikut disenaraikan tanda-tanda tersebut:

Tanda Mad

Menurut Dr. Muhammad Salim Muhaysin di dalam kitabnya *Irshad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*, bahawasanya tanda *mad* itu berasal daripada ejaan kalimah *mad* itu sendiri selepas dibuang kepala huruf *mim* dan huruf *dal*, seperti:(~).²⁸ Walau bagaimanapun tanda *mad* ini hanya bagi bacaan *mad* sahaja dan bukan pada *qasr*. Justeru permasalahan ini hanya melibatkan *mad munfasil* sahaja kerana *mad muttasil* wajib kesemua imam membaca dengan *mad*. Jikalau diperhatikan kepada *mushaf* yang ada sekarang ini kesemuanya meletakkan tanda *mad* pada *munfasil* dan ini menggambarkan bahawa bacaannya mestilah secara *mad* bukan secara *qasr*.

Ini menjadikan penggunaan *dabt* bagi tanda *mad* pada *mushaf* sekarang ini secara total merujuk kepada *tariq al-Shatibiyyah* dan juga *turuq* yang meriwayatkan bacaan *mad* pada *munfasil*. Manakala di sisi Ibn al-Jazari pula, penggunaan tanda *mad* tersebut hanya merujuk sebahagian daripada *turuqnya* sahaja yang mana *turuq* tersebut membaca dengan *mad* pada *munfasil* termasuklah *tariq al-Shatibiyyah*.

Tanda Huruf Yang Berdekatan Makhraj

Permasalahan ini merujuk kepada dua kalimah iaitu:

- 1) Kalimah $\text{يَلِّهْتَ ۚ ذٰلِكَ}$ yang melibatkan pertemuan huruf *tha'* dan *dhal* pada ayat :

أَوْ تَتَزَكَّىٰ يَلِّهْتَ ۚ ذٰلِكَ مِثْلُ ۤأَلۡقَوۡمِ ۗ الَّذِيۡنَ كَذَّبُوۡا بِآيٰتِنَا ۚ

Surah al-‘Araf (7): 176

Di sisi imam al-Shatibi dibaca dengan *idgham* sahaja sepertimana katanya²⁹

...يَلِّهْتَ لَهُ دَارٌ جُهَنَّا

Maksudnya: “Pada kalimah *yalhath* (dibaca secara *izhar*) oleh Hisham, Ibn Kathir dan Warsh”.

Ini menggambarkan bahawa imam Hafs yang tidak disebut dalam matan syair termasuk dalam golongan imam yang membaca secara *idgham* pada permasalahan ini.

²⁸ *Ibid.*, h. 23.

²⁹ al-ShÉlibÉ (1996), *op. cit.*

Bagi Ibn al-Jazari pula meriwayatkan dua *wajah* iaitu *izhar* dan *idgham* sepertimana katanya³⁰:

..... يَلْهَثُ أَظْهَرَ * حَرَمَ لَهُمْ نَالَ خِلَافُهُمْ وَرِي...

Maksudnya: “Pada kalimah *yalhath* dibaca secara *izhar* oleh Abu ‘Amru, Hisham dan ‘Asim³¹ secara *khilaf*”.

2) Kalimah *أَرْكَبُ مَعَنَا* yang melibatkan pertemuan huruf *ba*’ dan *mim* pada ayat:

وَكَانَ فِي مَعْرَظٍ يُنَبِّئُ أَرْكَبُ مَعَنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكَافِرِينَ

Surah Hud (11): 42

Bagi kalimah kedua ini, imam al-Shatibi juga meriwayatkan pembacaan secara *idgham* sahaja sepertimana katanya³²:

وَفِي أَرْكَبٍ هُدًى بَرٌّ قَرِيبٌ بِخُلْفِهِمْ * كَمَا ضَاعَ جَا

Maksudnya: “Pada kalimah *irkab* dibaca *izhar* secara *khilaf* oleh al-Bazzi, Qalun dan Khallad dan secara *qawlan wahidan* oleh Ibn Kathir, Khalaf dan Warsh”.

Apabila tiada disebut nama Hafs mahupun ‘Asim pada *matan* syair di atas tadi menggambarkan secara jelas bahawa di sisi Hafs kalimah *irkab* dibaca *idgham* secara *qawlan wahidan*. Manakala di sisi Ibn al-Jazari, kalimah *irkab* dibaca secara *khilaf* iaitu *idgham* dan *izhar*. Ini berdasarkan kata-kata beliau yang berbunyi³³:

وَفِي أَرْكَبٍ رُضٌ حِمَا * وَالْخُلْفُ دِنْ بِي نَلْ قُوَى...

Maksudnya: “Pada kalimah *irkab* dibaca *idgham* secara *qawlan wahidan* oleh al-Kisa’i, Abu ‘Amru dan Ya’qub dan dibaca *idgham* secara *khilaf* oleh Ibn Kathir, Qalun, ‘Asim³⁴ dan Khallad.”

Maka dengan ini dapatlah difahami bagi imam al-Shatibi, kedua-dua kalimah dibaca dengan *idgham* dan bagi Ibn al-Jazari kedua-dua kalimah boleh dibaca secara *idgham* dan *izhar*. Jikalau diperhatikan kepada *mushaf* yang ada sekarang ini, *dabt al-Qur’an* pada kedua-dua ayat

³⁰ al-JazarÊ (1994), *op. cit.*

³¹ ‘Ólim diterjemahkan dengan menggunakan *rumuz* huruf *nĒn* pada kalimah *nal*.

³² al-ShĒlibĒ (1996), *op. cit.*

³³ al-JazarÊ (1994), *op. cit.*

³⁴ ‘Ólim diterjemahkan dengan menggunakan *rumuz* huruf *nĒn* pada kalimah *nal*.

tersebut lebih mirip kepada *tariq al-Shatibiyyah* berbanding *al-Jazariyyah*. Ini adalah kerana huruf *zal* bagi ذَلِكْ dan huruf *mim* bagi مَعَنَا didatangi tanda sabdu yang menggambarkan bacaannya adalah secara *idgham*.

Tanda Saktah

Menurut kajian penulis, kesemua *mushaf* yang ada sekarang ini secara jelasnya memilih *tariq al-Shatibiyyah* sebagai rujukan tanda bagi *saktah*. Ini terbukti dengan adanya tanda *saktah* yang berupa huruf *sin* kecil yang hanya diletakkan pada empat kalimah khusus sahaja iaitu :

- a) عَوْجَا pada ayat :

وَلَمْ يَجْعَلْ لَّهُ عَوْجَا

Surah al-Kahf (18): 1

- b) مَرَّ قَدِينَا pada ayat :

قَالُوا يٰوَيُّوٓا۟ لَنَا مَنۢ مِّنۡ بَعَثَنَا مِنۡ مَّرَّ قَدِينَا هٰذَا

Surah Yasin (36): 52

- c) بَلَّ pada ayat :

كَلَّا بَلَّ بَلَّ رَانَ عَلٰى فُلُوۡهِمۡ مَّا كَانُوۡا يٰكۡ سٰبِقُونَ

Surah al-Mutaffifin (83): 14

- d) مِّنَّ pada ayat:

وَقِيلَ مِّنۡ رَّاقٍ

Surah al-Qiyamah (75): 27

Peletakan tanda *saktah* di empat kalimah khusus tersebut sekali gus menggambarkan *saktah* itu wajib secara *qawlan wahidan* ketika *wasal* bertepatan dengan *tariq al-Shatibiyyah* dan tidak kepada *al-Jazariyyah* yang meriwayatkan *saktah* di empat kalimah khusus tersebut secara *khilaf*. Ditambah pula dengan tiada apa-apa tanda pun bagi *saktah* huruf yang *sakin*

selepasnya *hamzah* menjadikan *ikhtiyar* Ibn al-Jazari amat asing kepada masyarakat Islam umumnya.

KESIMPULAN

Hasil kajian penulis telah membuktikan bahawa apabila merujuk kepada identiti *rasm al-Qur'an* di zaman Rasulullah s.a.w., ianya hanya tulisan sahaja dan tidak melibatkan baris, titik mahupun sebarang simbol sepertimana yang terdapat di dalam *mushaf* sekarang ini. Ini adalah kerana fokus kepada kefahaman tersebut amatlah penting dalam memahami apa jua permasalahan yang berkaitan dengan *rasm al-Qur'an* agar tidak terkeliru dengan realiti perkembangan kemas kini *mushaf* yang semakin ke hadapan dewasa ini.

Kajian penulis juga membuktikan bahawa konsep *dabt al-Qur'an* yang terdapat di dalam *mushaf* sekarang secara total nya merujuk kepada *tariq al-Shatibiyyah* dan sebahagian *tariq al-Jazariyyah*. Kaedah penulisan tanda *mad*, *saktah* dan huruf yang berdekatan *makhraj* yang menepati *ikhtiyar* al-Shatibi begitu dominan sehingga menenggelamkan konsep *ikhtiyar* al-Jazari sekali gus menjadi salah satu punca tertutup nya kefahaman masyarakat terhadap *tariq al-Jazariyyah*. Adapun apabila memperkatakan tentang *rasm* ianya sama sekali tidak boleh dikhususkan kepada mana-mana *tariq*. Ini adalah kerana *rasm al-Qur'an* adalah berbentuk penulisan, dan ada antara penulisan ini tidak boleh menggambarkan *wajah* bacaan yang berbagai mengikut *ikhtiyar* imam yang berlainan seperti yang berlaku pada kalimah (بَسْطُ) (بُصَيْطِر) dan (بَسْطَةٌ). Maka contoh sebegini termasuk dalam hal dua bacaan yang *mutawatirah* tetapi memadai ditulis dengan satu bacaan sahaja.

Rasm al-Qur'an sebegini dianggap *tawqifiyyah* dan disepakati oleh jumhur ulama dan sudah pasti walau bagaimanapun perbezaan yang ada pada *tariq al-Shatibiyyah* mahupun *al-Jazariyyah* ianya tidak memberi apa-apa kesan terhadap *rasm mushaf al-Qur'an*. Adapun *dabt al-Qur'an* tidak seperti *rasm al-Qur'an* kerana ianya adalah ijihad para *qurra*³⁵ dan tujuan penciptaannya adalah untuk memudahkan masyarakat Islam yang bukan Arab membaca *al-Qur'an*. Penggunaan kaedah *dabt al-Qur'an* ini juga telah menjurus kepada pengkhususan sesuatu *tariq*, *riwayat* mahupun *qira'at*.

Penulis juga secara tidak langsung dalam membentangkan objektif kajian ini telah pun menjelaskan bahawasanya apabila melibatkan *rasm al-Quran*, ianya adalah *tawqifiyyah* daripada Rasulullah s.a.w.. Adapun *dabt al-Quran*, ianya adalah *ijtihadiyyah* daripada para ulama'.

³⁵ Berdasarkan pembacaan yang *mutaw'itirah*

PENGHARGAAN

Penulis merupakan pensyarah tilawah CELPAD di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Kampus Kuantan. Beliau boleh dihubungi melalui alamat email zulhibri@gmail.com.

RUJUKAN

Abi al-Baqa' 'Ali b. 'Uthman b. Muhammad b. al-Qasih (t.t), *Sharh Talhis al-Fawa'id wa Taqrib al-Mutaba'id*, Kaherah: Maktabah al-'Azhariyyah li al-Turath.

Abu 'Amru 'Uthman b. Sa'id al-Dani (1978), *al-Muqni' fi Rasm Masahif al-'Amsar ma'a Kitab al-Naqt*, (tahqiq: Muhammad al-Sadiq Qamhawi), Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-'Azhariyyah.

Ahmad 'Ali al-Imam (1998), *Variant Readings of The Qur'an: A Critical Study of Their Historical and Linguistic Origins*. Virginia: International Institute of Thought Herndon.

'Ali Muhammad al-Dabba (1999) *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 20.

Al-Jazari, Muhammad b. Muhammad b. Muhammad b. 'Ali b. Yusuf (1994) *Tayyibah al-Nashr*, (tahqiq: Muhammad Tamim al-Zu'bi)

Al-Syathibi, al-Qasim b. Firruh b. Khalaf b. Ahmad al-Syathibi al-Ru'ayni al-Andalusi (1996), *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, (tahqiq: Muhammad Tamim al-Zu'bi)

Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1995), *Irshad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*, Kaherah: al-Idarah al-Ma'ahid al-Azhariyah.

Ibrahim b. Ahmad b. Sulayman al-Maraghani al-Tunisi (1995), *Dalil al-Hairan 'ala Mawrid al-Zam'an fi Fannay al-Rasm wa al-Dabt*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mohd Rahim b. Jusoh (2008), *Tarikh al-Qur'an & rasm Uthmani*, Kuala Lumpur, Pustaka Khodim al-Mushaf, h. 97.